

28 MAR 2000

Sanggang-Isu (Fokus)

ISU YANG DIBAWA BN LEBIH MENYELURUH

Oleh: Azman Zakaria

MENTAKAB, 28 Mac (Bernama) -- Isu-isu setempat tidak banyak kedengaran pada siri-siri ceramah pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang dengan Barisan Nasional (BN) mengetengahkan isu-isu yang bersifat nasional ketika kempen semakin hangat menjelang pengundian 1 April ini.

BN mengutarakan isu lebih menyeluruh mencakupi pelbagai bidang, sama ada isu yang bersifat nasional ataupun yang berhubung program pembangunan setempat, yang jarang kedengaran dibangkitkan oleh pembangkang dalam siri ceramah mereka.

Pembangkang lebih memainkan sentimen agama serta cuba mengeksploit apa jua keadaan yang boleh menguntungkan mereka dalam usaha meraih sokongan pengundi.

Isu setempat yang dibangkitkan pembangkang lebih menjurus kepada serangan peribadi terhadap Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob dan langkah kerajaan negeri melarang sementara ceramah di masjid.

Pilihan raya kecil ini yang menyaksikan pertembungan antara BN melalui calonnya Redzwan Harun dan Datuk Hishamuddin Yahaya dari Pas, menarik daripada beberapa segi serta menjadi tumpuan kerana ia yang pertama selepas pilihan raya umum lalu dan yang pertama menggunakan Daftar Pemilih 1999 yang akan menjadi pengukur sokongan terkini untuk kedua-dua parti.

Pemerhati politik berpendapat bahawa isu yang dibawa sama ada oleh BN atau Pas, serta keupayaan mematah dan mematikan isu lawan amat penting untuk memenangi hati pengundi terutamanya pengundi atas pagar.

Mereka berpendapat bahawa pembangkang tidak dapat dan tidak berupaya untuk mempersoalkan kemajuan yang dikecapi penduduk kawasan DUN Sanggang melalui pelbagai program pembangunan yang memberikan kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat, dan oleh itu terpaksa mengalihkan tumpuan kepada isu berkaitan agama.

Mereka berkata kejayaan program pembangunan di bawah BN tidak dapat disangkal dengan pelbagai kemudahan disediakan sama ada dalam aspek kesihatan, pendidikan serta kemudahan asas lain.

Ini dapat dilihat sebagai contoh, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng menyatakan Hospital Temerloh dengan kos kira-kira RM300 juta akan dibina manakala RM19 juta diluluskan oleh kementerian untuk projek kesihatan awam luar bandar di sini dan RM2.66 juta diluluskan bagi meningkatkan kemudahan di Hospital Mentakab tahun ini.

Pembangkang sekadar mengatakan memang sewajarnya BN melaksanakan projek pembangunan kerana BN yang memerintah.

Menurut pemerhati politik, jika BN dapat terus mengekalkan kerusi DUN Sanggang, yang belum pernah terlepas ke pihak pembangkang, pasti lebih banyak agenda pembangunan dapat diwujudkan manakala permasalahan rakyat dapat disalurkan terus kepada kerajaan yang sehaluan dengan wakil rakyat.

BN turut menekankan tentang kebajikan golongan kurang upaya, tua dan cacat yang tidak pernah dipinggirkan dengan pelbagai bantuan dihulurkan agar mereka turut menikmati kesan daripada arus pembangunan negara.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti menyampaikan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada mereka.

Keadaan ekonomi yang sudah pulih daripada kegawatan hasil daripada langkah yang diambil BN turut dinyatakan oleh penceramah BN khususnya semasa berkempen di kawasan pengundi Cina kerana kesan daripada pemulihan itu membolehkan masyarakat peniaga terutamanya dapat terus merangsangkan aktiviti ekonomi mereka.

BN juga memberikan penerangan kepada orang Melayu yang mencakupi 61.3 peratus daripada 15,276 pengundi berdaftar di DUN Sanggang, berhubung pelbagai program bercorak keagamaan yang dilaksanakannya, termasuk membenarkan semula ceramah di masjid-masjid setelah ia dihentikan sementara Februari lepas untuk memberikan tauliah kepada penceramah.

Adnan dalam hal ini menegaskan selagi beliau menjadi Menteri Besar kerajaan negeri akan berusaha meningkatkan syiar Islam berasaskan ajaran Islam sebenar.

Pas pula lebih menjuruskan isu agama dalam ceramah dengan menekankan perjuangan parti itu bagi mewujudkan pemerintahan Islam.

Murysidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyatakan hasrat Pas bukan sekadar untuk memenangi pilihan raya kecil ini malahan mahu menjadikannya sebagai landasan untuk menawan Pahang pada pilihan raya umum akan datang, dan berjanji Pas akan menghapuskan judi sebagaimana di Kelantan dan Terengganu yang ditadbirnya.

"BN meletakkan Redzwan yang mempunyai latar belakang agama sebagai calon lebih untuk mengabui pengundi," kata seorang penceramah Pas.

Pas turut menyatakan mereka mahu suara pembangkang lebih kuat di Dewan Undangan Negeri setelah memenangi lapan daripada 38 kerusi DUN pada pilihan raya umum lepas.

Pas juga menjadikan isu kerajaan negeri menghentikan sementara program ceramah di masjid sejak Februari lepas dengan mendakwa ia menyekat penyebaran ilmu agama, sedangkan yang sebenarnya menurut Adnan pemberhentian sementara ceramah agama itu adalah untuk membolehkan tauliah diberikan kepada penceramah.

Kini masjid di daerah Temerloh telah dibenarkan semula mengadakan ceramah, katanya.

"Sebenarnya kerajaan tidak mahu institusi masjid dijadikan tempat menyebarkan fahaman agama yang sempit, termasuk memperalatkan al-Quran dan hadis untuk kepentingan politik," katanya.

Pembangkang juga mengeksploit isyarat lucah yang ditunjukkan oleh Adnan semasa penamaan calon 21 Mac lepas, dengan bukan sekadar menyatakan ia tidak sewajarnya dilakukan oleh pemimpin nombor satu negeri, malahan menurut mereka perbuatan Adnan itu menjatuhkan imej negeri dan rakyat Pahang.

Perkara itu dijadikan sebagai bahan utama dalam ceramah pembangkang, dan gambar isyarat lucah itu dijadikan poster serta diedarkan oleh Pas.

Dalam hal ini, Adnan yang turut memberikan penjelasan pada setiap siri ceramahnya berkata tindakannya itu adalah sebagai tindak balas terhadap perbuatan provokasi yang keterlaluan penyokong pembangkang terhadapnya pada masa itu.

Pembangkang juga menyalahkan Umno berhubung perpecahan masyarakat Melayu akibat perbezaan fahaman politik, serta membidas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Raja-raja Melayu membantu menyatupadukan semula orang Melayu menerusi Majlis Agama Islam negeri dan Majlis Fatwa.

-- BERNAMA

AZ AKD